

# Pelaksanaan mesra rakyat berbanding negara lain

**Alor Setar:** Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) oleh Malaysia mulai April tahun depan, disifatkan paling mesra rakyat, berbanding pelaksanaannya oleh negara lain yang turut menguatkuasakan sistem percukaian sama.

Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Prof Datuk Mohd Yusof Kasim (**gambar**), berkata menerusi Bajet 2015 Jumaat lalu, kerajaan menggariskan senarai barangan yang dijangka mengalami penurunan harga, selain keperluan asas yang bebas dari GST, sekali gus menunjukkan ia jelas demi kesejahteraan rakyat.

Katanya, penetapan kadar GST enam peratus yang dikenakan juga menunjukkan ia adalah antara kadar terendah berbanding negara lain, yang sesetengahnya mengenakan kadar sehingga 20 peratus seperti New Zealand.



"Bajet 2015 ini adalah ke arah berimbang, dalam pelaksanaan GST, kerajaan menyediakan senarai, bagus untuk pengguna yang bijak, bagi bandingkan harga barang sebelum dan selepas sistem cukai ini.

"Pelaksanaan GST di Malaysia benar-benar seimbang kerana pemimpin mengambil kira kepentingan umat," katanya pada sidang media sempena penganjuran Dialog Dimensi Masa Depan Perbankan dan Kewangan Islam di pejabatnya, di sini semalam.

## **Semua jenis buah-buahan tempatan**

Ketika pembentangan Bajet 2015, kerajaan mengumumkan GST tidak dikenakan terhadap bahan api membabitkan petrol RON 95, diesel dan gas masak LPG, selain barangan makanan dan perkhidmatan asas termasuk semua jenis buah-buahan tempatan dan import serta roti putih dan tinggi serat.

Selain itu, serbuk kopi, teh, kok, mi kuning, kuey teow, laksa, bihun, 2,900 ubat-ubatan penting Nasional bagi kegunaan rawatan 30 jenis penyakit, bahan bacaan dan surat khabar turut tidak dikenakan GST.

Susulan pelaksanaan GST juga, 532 daripada 944 barangan dan perkhidmatan di bawah indeks harga pengguna dijangka mengalami penurunan harga sehingga 4.1 peratus membabitkan ubat-ubatan, barangan elektrik dan plastik, tekstil, perabot rumah, lampin, telur ayam, minyak, beras dan sayur-sayuran.

Mohd Yusof berkata, dalam konteks pendidikan, penekanan terhadap Program Transformasi Vokasional dan Teknik (TE-VT) dengan peruntukan RM1.2 bilion khusus bagi TEVT dalam Bajet 2015, adalah wajar sebagai usaha melahirkan lebih ramai tenaga mahir teknikal dalam menuju negara maju 2020.